

Jumlah penganggur berkurangan

Bilangan penganggur terus mencatatkan penurunan pada Mei 2023 dengan merekodkan 584,600 orang dengan kadar pengangguran berada pada 3.5 peratus, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dari segi prestasi keseluruhan bagi Mei 2023, DOSM melaporkan bahawa pasaran buruh dilihat terus menunjukkan momentum pertumbuhan yang stabil.

Katanya, ini dicerminkan oleh peningkatan bilangan tenaga buruh berikutan pertambahan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur terus menurun.

"Bilangan tenaga buruh pada bulan berkenaan terus mencatatkan trend menaik, dengan peningkatan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.86 juta orang berbanding 16.84 juta orang pada April 2023.

"Kadar penyertaan tenaga buruh Mei kekal pada 70 peratus seperti pada bulan sebelumnya," kata DOSM dalam kenyataan Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Mei 2023.

Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

DOSM turut melaporkan bahawa bilangan penduduk bekerja pada Mei 2023 meningkat secara berterusan, dengan pertambahan



Pasaran buruh Malaysia dilihat terus menunjukkan momentum pertumbuhan stabil.

(Foto hiasan)

han 0.2 peratus kepada 16.28 juta orang, berbanding 16.25 juta orang pada April 2023.

"Bilangan penganggur pada bulan itu terus menurun, dengan pengurangan 0.4 peratus kepada 584,600 orang berbanding 586,900 orang pada April, dengan kadar pengangguran direkodkan 3.5 peratus," katanya.

Mengenai kedudukan guna tenaga, DOSM berkata, 75.5 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada Mei 2023 adalah dalam kategori pekerja.

Ia berkata, kategori ini meningkat sebanyak 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 12.29 juta orang

berbanding 12.28 juta orang pada April 2023.

Begitu juga, katanya, penduduk bekerja sendiri turut mencatatkan peningkatan, dengan pertambahan 0.5 peratus kepada 2.94 juta orang berbanding bulan sebelumnya seramai 2.92 juta orang.

"Dari segi sektor ekonomi, sektor perkhidmatan terus mencatatkan trend positif dalam bilangan penduduk pekerja, terutama dalam aktiviti perkhidmatan makanan & minuman; perdagangan borong & runcit; dan maklumat & komunikasi.

"Trend sama dalam guna te-

naga juga dilihat dalam sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan & pengkuarian serta pertanian," katanya.

DOSM berkata, pada Mei 2023, mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, yang merangkumi 80.5 peratus daripada jumlah penganggur, terus berada dalam trend menurun, dengan pengurangan sebanyak 0.3 peratus kepada 470,400 orang berbanding 471,900 pada April 2023.

Katanya, mengikut tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 60.9 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun merangkumi 6.7 peratus.

"Pada masa sama, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif, turut menurun 0.8 peratus merekodkan 114,200 orang.

"Sementara itu, kadar pengangguran bagi belia berusia 15 hingga 24 tahun menurun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 11 peratus dengan jumlah 313,000.

"Manakala, kadar pengangguran dalam kalangan belia berusia 15 hingga 30 tahun meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 7.0 peratus, dengan 448,600 penganggur," katanya.